

## **Untuk Siaran Segera**

### **MRC SUMBANG RM2.29 JUTA TERMASUK 10 MESIN VENTILATOR KEPADА KEMENTERIAN KESIHATAN**

**KUALA LUMPUR, 9 OGOS 2021** - Majlis Getah Malaysia (MRC) hari ini menyampaikan sumbangan sebanyak RM2.29 juta kepada Kementerian Kesihatan (KKM) dalam usaha membantu kerajaan memerangi pandemik COVID-19 yang semakin membimbangkan ketika ini.

Melalui Program Bantuan Prihatin Untuk Institusi Kesihatan, MRC menerusi Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) menyalurkan sumbangan kepada Pusat Penilaian COVID-19 (CAC), Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah COVID-19 (PKRC) dan juga hospital-hospital serta pusat-pusat pemberian vaksin (PPV) terpilih di seluruh negara.

Sebanyak RM1.5 juta daripada jumlah sumbangan tersebut disediakan untuk pembelian 10 unit mesin ventilator kepada hospital-hospital terpilih manakala RM290,000 akan disalurkan kepada CAC dan PKRC untuk penyediaan alat pelindung diri (PPE) dan peralatan bukan perubatan seperti komputer riba. Bagi PPV pula, sumbangan sebanyak RM500,000 disalurkan.

Antara lokasi-lokasi yang terpilih adalah CAC di Seremban, Negeri Sembilan dan Sandakan, Sabah; PKRC di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang; PPV di Terengganu, Melaka, Kedah, Kelantan dan Selangor serta hospital-hospital di Lembah Klang iaitu di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Hospital Selayang serta Hospital Kajang.

Pada pelancaran program itu, Ketua Pegawai Eksekutif MRC, Nurul Islam Mohamed Yusoff telah menyerahkan mesin ventilator dan alatan PPE lain seperti topeng muka N95, Tyvet serta peralatan pemberian vaksin kepada Ybhg. Dato' Indera Dr. Sha'ari Ngadiman, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor sambil disaksikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, YB Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali.

Dalam pada itu, Nurul Islam berkata, Program Bantuan Prihatin MRC ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) majlis itu dengan bantuan kemudahan kesihatan akan disumbangkan kepada pihak berkuasa kesihatan kerajaan bagi membantu meringankan tugas petugas barisan hadapan untuk memastikan rakyat memperoleh perkhidmatan kesihatan yang baik sepanjang krisis pandemik COVID-19.

Sementara itu, Ybhg. Dato' Dr Suhaini Kadiman, Presiden PAPISMA menghargai kepercayaan MRC untuk berkolaborasi dalam menjayakan program ini. PAPISMA akan memastikan sumbangan tersebut disalurkan kepada pihak-pihak yang terbabit.

[TAMAT]